



SIARAN AKHBAR

KDNK mengikut Negeri, 2010-2015


2015

KDNK MALAYSIA mengikut NEGERI


Penyumbang UTAMA kepada KDNK Malaysia adalah **Selangor, WP KL, Sarawak, Johor, & Sabah**

Peratus Sumbangan kepada KDNK Malaysia

Pertumbuhan KDNK (Harga Malar 2010)



Prestasi Sektor bagi 5 Negeri Utama




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan sederhana 5.0 peratus pada tahun 2015 berbanding 6.0 peratus pada tahun 2014. Sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Perlombongan & Pengkuarian memacu prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2015.

SUMBANGAN KDNK MENGIKUT NEGERI, 2015

Enam negeri kekal sebagai penyumbang utama KDNK pada tahun 2015. Selangor merupakan penyumbang terbesar dengan 22.6 peratus diikuti oleh WP KL (15.1 peratus), Sarawak (10.0 peratus), Johor (9.3 peratus), Sabah (6.6 peratus) dan Pulau Pinang (6.6 peratus). Negeri-negeri tersebut menyumbang 70.2 peratus kepada ekonomi nasional seperti pada Carta 1.




PERTUMBUHAN EKONOMI MENGIKUT NEGERI, 2015


Sembilan negeri bertumbuh pada kadar lebih laju daripada paras nasional (5.0 peratus) pada tahun 2015 didahului oleh WP Labuan (6.9 peratus), Sabah (6.1 peratus), Perak (5.9 peratus), Selangor (5.7 peratus), Johor (5.6 peratus), Kedah (5.6 peratus), Pulau Pinang (5.5 peratus), Melaka (5.5 peratus) dan WP KL (5.3 peratus). Walau bagaimanapun, enam negeri iaitu Pahang, Negeri Sembilan, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Perlis mencatatkan pertumbuhan di bawah paras nasional (Carta 1).

STRUKTUR EKONOMI MENGIKUT NEGERI, 2015


Komposisi aktiviti ekonomi yang berbeza mendorong kepada kepelbagaian ciri bagi setiap negeri. Dominasi sektor Perkhidmatan dapat dilihat di WP KL (88.0 peratus), WP Labuan (75.5 peratus), Kelantan (66.3 peratus), Perlis (63.7 peratus) dan Perak (60.0 peratus) seperti pada Carta 2. Sementara itu, sektor Pembuatan dan Perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu. Sebaliknya, sektor Pertanian mempunyai sumbangan yang penting kepada Sabah, Pahang, Kelantan dan Sarawak.

Carta 2**Peratus Sumbangan Aktiviti Ekonomi mengikut Negeri, 2015****PRESTASI MENGIKUT SEKTOR, 2015**


Sektor Perkhidmatan di Malaysia didominasi oleh Selangor dan WP KL dengan jumlah sumbangan 49.9 peratus (Carta 3). Aktiviti Borong & Runcit merupakan peneraju kepada sektor Perkhidmatan bagi semua negeri, kecuali Perak dan Terengganu (Utiliti) dan WP Labuan (aktiviti Kewangan).

Carta 3**Peratus Sumbangan Sektor Perkhidmatan mengikut Negeri, 2015**

Selangor merupakan penyumbang terbesar dalam sektor Pembuatan dengan sumbangan 28.9 peratus diikuti oleh Pulau Pinang dan Johor dengan masing-masing menyumbang 12.8 peratus dan 12.4 peratus (Carta 4). Sektor Pembuatan di Malaysia berkembang 4.9 peratus, disokong oleh subsektor Elektrik & Elektronik di Selangor, Pulau Pinang dan Johor di samping prestasi menggalakkan bagi Bahan Kimia dan Produk Kimia di Terengganu, Selangor dan Pahang. Sementara itu, Kenderaan Bermotor dan Peralatan Pengangkutan di Melaka, Selangor dan Johor turut mengukuhkan keseluruhan sektor Pembuatan di Malaysia.

Carta 4**Peratus Sumbangan Sektor Pembuatan mengikut Negeri, 2015**

Sabah, Sarawak, Johor, Pahang dan Perak kekal sebagai penyumbang utama sektor Pertanian dengan jumlah sumbangan sebanyak 71.6 peratus (Carta 5). Subsektor Kelapa Sawit di Sarawak, Perak dan Negeri Sembilan merupakan pemangkin kepada pertumbuhan sektor Pertanian di peringkat nasional. Tambahan pula, pemulihan bagi subsektor Getah terutamanya di Negeri Sembilan, Kedah dan Perak telah menyokong keseluruhan sektor Pertanian.

Carta 5**Peratus Sumbangan Sektor Pertanian mengikut Negeri, 2015**

WP KL dan Selangor menyumbang 56.2 peratus kepada sektor Pembinaan di Malaysia (Jadual 1). Prestasi sektor ini telah disumbangkan oleh Bangunan Bukan Kediaman dan Kejuruteraan Awam.

Jadual 1**Peratus Sumbangan Sektor
Pembinaan mengikut Negeri, 2015**

Negeri	Peratus Sumbangan (%)
Selangor	31.8
WP KL*	24.4
Johor	12.3
Sarawak	6.8
Perak	4.7
Pulau Pinang	4.4
Sabah	4.3
Pahang	2.9
Negeri Sembilan	2.4
Melaka	1.7
Terengganu	1.6
Kedah	1.4
Kelantan	0.8
WP Labuan	0.3
Perlis	0.3

*Termasuk WP Putrajaya

KDNK PER KAPITA, 2015

KDNK Per Kapita di peringkat nasional meningkat daripada RM36,031 kepada RM37,104 pada tahun 2015 (Jadual 2). Enam negeri yang melebihi paras tersebut diterajui oleh WP KL dengan RM94,722 diikuti oleh WP Labuan (RM58,577), Pulau Pinang (RM44,847), Sarawak (RM44,012), Selangor (RM42,611) dan Melaka (RM39,853).

Jadual 2**KDNK Per Kapita mengikut Negeri,
2014-2015 pada Harga Semasa - RM**

Negeri	2014	2015
WP KL*	90,464	94,722
WP Labuan	55,566	58,577
Pulau Pinang	42,130	44,847
Sarawak	44,596	44,012
Selangor	40,536	42,611
Melaka	38,656	39,853
Negeri Sembilan	35,865	36,699
Pahang	29,341	30,343
Johor	28,089	29,539
Terengganu	26,397	26,529
Perak	24,132	25,418
Perlis	20,999	21,394
Sabah	19,723	19,734
Kedah	17,329	18,249
Kelantan	11,748	12,075
MALAYSIA	36,031	37,104

*Termasuk WP Putrajaya

Dikeluarkan Oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

30 September 2016

Pegawai dihubungi:

Ho Mei Kei

Pegawai Perhubungan Awam

Bahagian Korporat & Khidmat Pengguna

Jabatan Perangkaan Malaysia

Tel : +603-8885 7942

Faks : +603-8888 9248

Emel : mkho[at]stats.gov.my